



**KENYATAAN MEDIA  
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN  
DAN  
MENTERI KEWANGAN II  
NEGERI SABAH**


**2 SEPTEMBER 2022**

---

**A LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19**

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 pada hari ini adalah sebanyak 205 kes, menjadikan jumlah kumulatif sebanyak 390,328. Satu (1) kes kematian dilaporkan pada hari ini iaitu di Sandakan. Bilangan kematian ini tidak semestinya berlaku dalam tempoh 24 jam ini. Ada kes kematian yang mengambil masa untuk verifikasi dan dilaporkan kemudian daripada tarikh sebenar. Takziah diucapkan kepada keluarga yang terlibat
- 2 Bilangan pesakit COVID-19 sembuh ialah 221 (termasuk yang discaj dari hospital/PKRC) menjadikan jumlah kumulatif 381,631 orang. Manakala 267 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 265 orang di hospital dan dua (2) orang di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) awam. Bilangan pesakit yang memerlukan penjagaan kritikal ialah 19 orang iaitu 17 orang di ICU/repurposed kritikal care dan dua (2) orang di open ward (HDW/kubikel akut) manakala lapan (8) orang lagi memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).

3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Keningau bertukar dari zon merah ke zon jingga, Nabawan dari zon kuning ke zon jingga, Sipitang dari zon merah ke zon kuning manakala Kinabatangan berubah dari zon kuning ke zon merah

4 Pecahan daerah mengikut zon:

- Zon Kuning lapan (8) daerah
- Zon Jingga enam (6) daerah
- Zon Merah 13 daerah

**i. Kedudukan Kes Positif COVID-19**

- a. Sejalan dengan jumlah sampel ujian yang berkurangan berbanding semalam serta kadar positifiti yang menurun, angka jangkitan baharu juga menyusut kepada 205 kes (-22).
- b. Jumlah sampel ujian hari ini ialah 2,179 berbanding 2,271 semalam. Kadar positifiti turun daripada 10.08% kelmarin kepada 9.56%.
- c. Bilangan daerah yang merekodkan penurunan kes baharu (13 daerah) dan peningkatan (10 daerah) agak seimbang. Empat (4) daerah kekal sebagaimana catatan semalam. Tiga (3) daerah merekodkan penurunan ketara iaitu Kota Kinabalu 92 kes (-21), Tawau 10 kes (-9) dan Tuaran 14 kes (-7). Enam (6) daerah tidak merekodkan sebarang jangkitan baharu dalam tempoh 24 jam lepas.
- d. Sejumlah 200 daripada 205 kes yang direkodkan hari ini adalah dalam Kategori 1 dan Kategori 2, serta empat (4) kes dalam Kategori 3 dan satu (1) kes dalam Kategori 4

ii. **Perincian Kes COVID-19 Hari Ini**

a. Bilangan kes positif COVID-19 hari ini diperolehi melalui saringan pelbagai kategori seperti yang ditunjukkan jadual di bawah:

<b>Bil.</b>	<b>Kategori Saringan</b>	<b>Bilangan Kes</b>	<b>Peratusan</b>
1	Kluster	0	0.00%
2	Kontak	26	12.68%
3	Bergejala	160	78.05%
4	Bersasar	0	0.00%
5	Lain-lain Saringan	19	9.27%
<b>JUMLAH</b>		<b>205</b>	<b>100%</b>

b. Kes Positif COVID-19 hari ini dengan perbandingan kes semalam (1 September 2022) adalah seperti jadual yang ditunjukkan di bawah:

Bil.	Daerah	Catatan Kes 01/09/2022	Catatan Kes 02/09/2022	Perbandingan
1	Penampang	15	23	+8
2	Nabawan	0	4	+4
3	Putatan	10	13	+3
4	Tenom	0	3	+3
5	Semporna	0	2	+2
6	Papar	6	8	+2
7	Sandakan	12	14	+2
8	Kinabatangan	0	2	+2
3	Kudat	2	3	+1
10	Kuala Penyu	0	1	+1
11	Sipitang	2	2	Mendatar
12	Kota Marudu	2	2	Mendatar
13	Lahad Datu	3	3	Mendatar
14	Beluran	0	0	Mendatar
15	Kota Kinabalu	113	92	-21
16	Tawau	19	10	-9
17	Tuaran	21	14	-7
18	Keningau	3	0	-3
19	Ranau	3	1	-2
20	Tambunan	3	2	-1
21	Pitas	2	1	-1
22	Tongod	1	0	-1
23	Kunak	1	0	-1
24	Kalabakan	1	0	-1
25	Telupid	1	0	-1
26	Beaufort	3	2	-1
27	Kota Belud	4	3	-1
<b>JUMLAH</b>		<b>227</b>	<b>205</b>	<b>-22</b>

6 Tiada **kluster baharu** direkodkan hari ini.

7 Jumlah kapasiti katil 1,005 unit.

- Hospital 967 unit.
- PKRC (Awam) 20 unit.
- Hospital Swasta 28 Unit

Jumlah peratusan penggunaan katil ialah 26.57%.

## B KOMPOSISI KES POSITIF COVID-19 PADA 2 SEPTEMBER 2022

### i. Tempatan/Import/Tahanan

<b>Import/Tempatan</b>	
Tempatan	200
Import A (Jangkitan Luar Malaysia)	1
Import B (Jangkitan Luar Sabah)	1
Orang Dalam Tahanan /Banduan	3
<b>Jumlah</b>	<b>205</b>

### ii. Kewarganegaraan

<b>Kewarganegaraan</b>	
Malaysia	201
Bukan Malaysia	4
<b>Jumlah</b>	<b>205</b>

### iii. Status Vaksinasi

<b>Status Vaksinasi</b>	
Belum Layak Vaksin (Bawah 5)	13
Belum Menerima Vaksin (5-11)	8
Belum Menerima Vaksin (>11 Tahun)	8
Menerima 1 Dos	0
Lengkap 2 Dos	104
Lengkap 2 Dos + Dos Penggalak	72
<b>Jumlah</b>	<b>205</b>

### iii. Umur

<b>Umur (Tahun)</b>	
<1	4
1-4	9
5 -11	11
12-17	20
18-29	50
30-39	56
40-49	23
50-59	20
60-69	4
70-79	6
80-89	1
>90	1
<b>Jumlah</b>	<b>205</b>

**Sekian.**

**#SabahMajuJaya**

**#KeluargaMalaysia**

**#LindungDiriLindungSemua**

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**

**DAN**

**MENTERI KEWANGAN II**